

Isi Kandungan

Umum

Maklumat Umum.....	108
Langkah berjaga-jaga penetapan.....	108
Aksesori yang dibekalkan.....	108
Membersihkan cakera.....	108
Mengenai kitar semula.....	108

Gambaran Keseluruhan Produk

Unit Utama.....	109
Alat Kawalan Jauh.....	110
Menggunakan alat kawalan jauh.....	112
Sambungan Asas.....	113
Langkah 1: Memasang speaker.....	113
Langkah 2: Memposisi bagi kesan yang terbaik.....	113
Meletakkan speaker.....	113
Menempatkan subwoofer	114
Menempatkan sistem DVD	114
Menempatkan Peti Simpang	114
Menempatkan peti penerima tanpa wayar AV	114
Langkah 3: Menyambung sistem DVD, subwoofer AV dan speaker hadapan.....	115
Langkah 4: Menyambung speaker belakang tanpa wayar	116
Sambungan Tidak Wajib	117
Menggantung sistem DVD di dinding.....	117
Menggantung speaker di dinding	118
Menyambung ke TV Skan Progresif.....	119
Menyambung ke peranti yang sesuai dengan HDMI	119
Menyambung ke peranti audio/ video analog	120
Menyambung ke peranti audio digital	120
Menyambung ke terminal antena FM luar.....	121

Untuk Memulakan

Langkah 1: Menghidupkan sistem DVD.....	122
Tutup ke mod sedia.....	122
Langkah 2: Mencari saluran tontonan yang betul.....	122
Langkah 3: Menetapkan bahasa yang diingini.....	123
Bahasa paparan di skrin (OSD).....	123
Audio, Sari Kata dan bahasa Menu untuk main semula DVD	123
Langkah 4: Menetapkan TV	124
Memilih sistem warna yang sepadan	124
Menetapkan Paparan TV	125
Menetapkan ciri Skan Progresif(untuk TV Skan Progresif sahaja)	125
Langkah 5: Menetapkan saluran speaker	127

Main Semula Cakera

Operasi Cakera	128
Cakera boleh dimainkan.....	128
Memainkan cakera	129
Kawalan asas main semula	129
Memilih pelbagai fungsi ulangan/kocok.....	130

Isi Kandungan

Ciri main semula yang lain bagi cakera video (DVD/VCD/SVCD).....	130
Menggunakan Menu Cakera.....	130
Menonton maklumat main semula	131
Menyambung main semula dari titik berhenti yang terakhir.....	131
Zum masuk	131
Menukar bahasa sari kata (DVD sahaja).....	132
Menukar bahasa trek bunyi	132
Menukar sudut kamera.....	132
Kawalan Main Semula (VCD sahaja)	132
Mainkan cakera Audio MP3/ JPEG/ MPEG-4/ Windows Media™	133
Memainkan fail imej JPEG (pertunjukan slaid).....	134
Fungsi Pranonton	134
Zum gambar.....	134
Memusing/Menterbalikkan gambar	134
Memainkan muzik.....	135
Memainkan CD Super Audio (SACD).....	135
Memainkan cakera DivX®	136

Pilihan Menu Tetapan DVD

Mengakses menu tetapan DVD	137
Muka Surat Tetapan Umum.....	138
Muka Surat Tetapan Audio	139
Surat Tetapan Video	140
Muka Surat Tetapan Kegemaran	143

Bahasa Melayu

Penalaan Radio

Operasi Penala	145
Menala kepada stesen radio	145
Pratetap stesen radio	145
Menggunakan pemasangan auto.....	145
Menggunakan pra tetap automatik.....	146
Menggunakan pra tetap manual.....	146
Memilih stesen radio pra tetap.....	146
Memadam stesen radio pra tetap	146
Menukar grid penalaan.....	147

Lain-lain

Kawalan Bunyi dan Volum	148
Memilih bunyi sekeliling.....	148
Melaras paras Bass/Treble	148
Memilih kesan bunyi digital	148
Kawalan volum	148
Ciri Lain.....	149
Menetapkan pemasa Tidur	149
Dimming system's display screen.....	149
Mengawal TV 'Philips' dengan alat kawalan jauh.....	149
Spesifikasi	150
Menyelesaikan Masalah.....	151
Glosari	154
Language Code.....	156

Maklumat Umum

AWAS!

Mesin ini tidak mengandungi sebarang bahagian yang boleh diselenggara pengguna. Sila serahkan kerja-kerja penyelenggaraan kepada mereka yang bertauliah.

Langkah berjaga-jaga penetapan

Mencari lokasi yang sesuai

- Letakkannya di permukaan yang rata, keras dan stabil. Jangan letakkannya di atas permaidani.
- Jangan letakkannya di atas peralatan lain yang boleh menjadi panas (misalnya penerima atau amplifier).
- Jangan letakkan apa-apa di atas atau di bawah set ini (misalnya CD, majalah).
- Pasang unit ini berdekatan dengan salur keluar AC dan di mana palam kuasa AC boleh dicapai dengan mudah.

Ruang untuk pengedaran udara

- Letakkan alat di sebuah lokasi yang mempunyai pengedaran udara yang mencukupi untuk mencegah pembentukan haba dalaman. Benarkan ruang sekurang-kurangnya 10 cm (4") dari belakang dan atas set dan 5 cm (2") dari kiri dan kanannya untuk mencegahnya daripada menjadi terlalu panas.

Mengelakkan suhu tinggi, kelembapan, air dan habuk

- Alat tidak harus didedahkan kepada titisan atau percikan.
- Jangan letakkan sebarang punca bahaya di atas alat (misalnya objek yang berisi cecair, lilin yang menyala).

Aksesori yang dibekalkan

- 1 sistem DVD
- 1 subwoofer AV
- 1 peri penerima AV tanpa wayar
- 2 speaker tengah
- 2 speaker hadapan + kaki
- 2 speaker belakang + kaki
- 3 x 1 pasang skru untuk pemasangan di dinding
- 3 x 1 pasang pendakap untuk pemasangan di dinding
- 1 alat kawalan jauh dengan bateri
- 1 kabel VGA (untuk sambungan antara subwoofer AV dan Peti Simpang)
- 4 x kabel speaker
- 2 x kabel kuasa
- 1 x kain pembersih fiber mikro (untuk sistem DVD)
- Panduan Mula dengan Pantas

Membersihkan cakera

Beberapa masalah boleh berlaku kerana cakera di dalam perakam adalah kotor (gambar beku, gangguan bunyi dan gambar). Untuk mengelak masalah ini, cakera harus dibersihkan secara tetap.

Untuk membersihkan cakera, gunakan kain pembersih berserat mikro dan lapkan cakera dari tengah hingga ke hujung dalam garisan yang lurus.


AWAS!

Jangan guna pelarut seperti benzin, penipis, pembersih yang boleh diperoleh secara komersial, atau semburan anti statik yang bertujuan untuk cakera analog.

Mengenai kitar semula

Arahan operasi ini telah dicetak di atas kertas tidak cemar. Peralatan elektronik mengandungi bilangan besar bahan yang boleh dikitar semula. Jika anda membuang mesin lama, sila bawanya ke pusat kitar semula. Sila patuhi peraturan tempatan mengenai pembuangan bahan bungkusan, bateri yang sudah luput dan peralatan lama.


Unit Utama



Bahasa Melayu

- ① ⏹ **STANDBY ON (SEDIA PADA)**
 - Bertukar kepada mod sedia, atau menghidupkan sistem.
- ② ▶II **PLAY PAUSE (MAIN BERHENTI SEKETIKA)**
 - DISC (CAKEREA): mula/berhenti seketika main semula.
 - TUNER (PENALA): mula pemasangan stesen radio pratetap dalam mod Pasang Palam & Main.
- ③ ■ **STOP (BERHENTI)**
 - Keluar operasi.
 - DISC (CAKEREA): berhenti main semula.
 - TUNER (PENALA): terus tekan butang ini untuk memadam stesen radio pratetap semasa.
- ④ ▶◀ / ▷▶
 - DISC (CAKEREA): memilih trek atau terus tekan butang ini untuk mencari ke belakang/ke hadapan.
 - TUNER (PENALA): menala frekuensi radio ke atas/bawah.
- ⑤ **SOURCE (SUMBER)**
 - Memilih mod sumber aktif yang berkenaan: DISC, TUNER FM, TV atau AUX/DI.
- ⑥ + - **VOLUME**
 - Melaras paras volum.
- ⑦ **Petunjuk Volum ↗**
- ⑧ ▲ **EJECT**
 - Membuka/ menutup dulang cakera.
- ⑨ **Panel paparan sistem**
- ⑩ **Lubang Cakera**

Alat Kawalan Jauh



① SOURCE (SUMBER)

- Memilih mod sumber aktif yang berkenaan: DISC, FM TUNER, TV atau AUX/DI.

② DISPLAY (PAPARAN)

- Memaparkan status semasa atau maklumat cakera.

③ PROGRAM

- TUNER (PENALA): terus menekan butang ini untuk mulakan program pra tetap secara automatik/manual.

④ SYSTEM MENU

- Masuk atau keluar menu tetapan sistem.

⑤ ▲ ▶ ▼ ▷

- Memilih arah pergerakan di dalam menu.
- TUNER (PENALA): tekan ▲ atau ▶ untuk memilih stesen radio pratetap.
- TUNER (PENALA): tekan ▲ atau ▷ untuk memilih penalaan auto.

⑥ OK

- Mengesahkan pilihan.

⑦ ▲ ▶ / ▷

- DISC (CAKERA): tekan dan pegang untuk mencari ke belakang/hadapan atau untuk memilih trek.
- TV: memilih slauran sebelum/berikutnya (TV Philips sahaja).
- TUNER (PENALA): menala frekuensi radio ke atas/bawah.

⑧ ■ (BERHENTI)

- Keluar dari operasi.
- DISC (CAKERA): menghentikan main semula atau tekan dan pegang untuk keluarkan cakera.
- TUNER (PENALA): terus tekan butang ini untuk memadamkan stesen radio pratetap semasa.

⑨ MUTE ✘ (SENYAP)

- Melenyapkan atau mengembalikan volum.

⑩ VOL + -


- Melaras paras volum.

Alat Kawalan Jauh (bersambung)

- ⑪ **ANGLE (SUDUT)**
 - Memilih sudut kamera cakera DVD (jika ada).
- ⑫ **SUBTITLE (SARIKATA)**
 - Memilih bahasa sari kata.
- ⑬ **REPEAT (ULANG)**
 - Memilih pelbagai mod ulangan.
- ⑭ **SURR.**
 - DISC (CAKERA): Memilih mod stereo atau sekeliling berbilang saluran.
 - TUNER (PENALA): memilih isyarat mono atau stereo.
- ⑮ **REPEAT A-B**
 - Mengulangi bahagian tertentu di cakera.
- ⑯ **SOUND (BUNYI)**
 - Memilih kesan bunyi pra definisi.
 - Tekan dan pegang untuk memilih saluran penghantaran lain bagi tanpa wayar belakang.
- ⑰ **NIGHT (dalam mod DVD sahaja)**
 - Mengoptimumkan dinamik output bunyi.
- ⑱ **CD UP SAMP.**
 - Menukar CD muzik kepada kadar sampel yang lebih tinggi bagi kualiti bunyi yang lebih baik.
- ⑲ **BASS/ TREBLE**
 - Pilih mod bunyi BASS (nada rendah) atau TREBLE (nada tinggi) dan gunakan kawalan VOLUME untuk menukar paras nada.
- ⑳ **AUDIO**
 - Memilih bahasa audio (DVD) atau saluran audio (CD).
- ㉑ **ZOOM (ZUM)**
 - Membesarkan gambar di skrin TV.
- ㉒ **TV VOL + - (VOL TV + -)**
 - Melaras volum TV (TV Philips sahaja).
- ㉓ **PLAY ► (MAIN)**
 - DISC (CAKERA): mula main semula.
- ㉔ **|| (BERHENTI SEKETIKA)**
 - DISC (CAKERA): menghentikan main semula buat seketika.
- ㉕ **DISC MENU (MENU CAKERA)**
 - Memasuki atau keluar dari menu kandungan cakera.
 - Untuk VCD versi 2.0 sahaja' Dalam mod berhenti, hidupkan/matiikan main semula mod kawalan (PCB). Semasa main semula, kembali ke menu utama.
- ㉖ **RETURN/ TITLE (KEMBALI/ TAJUK)**
 - Untuk pergi semula ke menu sebelumnya.
 - Memaparkan menu Tajuk cakera (jika ada).
- ㉗ **Papan kekunci barangka (0-9)**
 - Memasuki nombor trek/tajuk cakera.
 - Memasuki nombor stesen radio pra tetap.
- ㉘ **DIM**
 - Memilih paras kecerahan yang berbeza untuk panel paparan.
 - Menekan dan memegang untuk menetapkan fungsi pemasa tidur.
- ㉙ **STANDBY ⏻**
 - Bertukar kepada mod sedia.


Alat Kawalan Jauh (bersambung)

Menggunakan alat kawalan jauh



Bahasa Melayu

- ① Buka petak bateri.
- ② Masukkan dua bateri jenis R06 atau AA, dengan mengikuti indikasi (+ -) di dalam petak.
- ③ Tutupkannya.




- ④ Halakan alat kawalan jauh ke sensor jauh (IR) di panel hadapan sistem DVD.
- ⑤ Pilih sumber yang ingin dikawal dengan menekan butang **SOURCE** pada alat kawalan jauh.
- ⑥ Kemudian pilih fungsi yang diingini (misalnya **◀◀**, **▶▶**).

AWAS!

- Keluarkan bateri jika ia telah luput atau jika alat kawalan jauh tidak digunakan untuk masa yang lama.
- Jangan campurkan bateri (baru dan lama atau karbon atau alkali, dll.).
- Bateri mengandungi bahan kimia, oleh itu ia harus dibuang dengan sempurna.

Sambungan Asas

Langkah 1: Memasang speaker



- ① Sambungkan kaki speaker dengan wayar speaker yang dibekalkan. Padankan warna wayar speaker dengan warna bicu di dasar kaki speaker.
→ Pegang tab bicu sambil masukkan bahagian berjulur wayar speaker ke dalam tab. Kemudian, lepaskan tab bicu untuk mengunci wayar ke posisinya.
- ② Padankan perekat berwarna di belakang speaker dan bahagian dalam kaki speaker. Posisikan speaker seperti yang ditunjukkan dan pastikan penyambung muat. Lihat ilustrasi di atas.
- ③ Kukuhkan kaki speaker dengan skru yang dibekalkan.

Panduan Berguna:

- Apabila anda memasukkan wayar speaker, pastikan tiada wayar bersalut getah yang dikepit oleh tab bicu.

Langkah 2: Memposisi bagi kesan yang terbaik


Sistem Teater Philips mudah untuk dipasang. Walau bagaimanapun, meletakkan sistem dengan sempurna adalah penting bagi memastikan pengalaman bunyi yang optimum.

- Rajah perletakan yang ditunjukkan di sini hanya satu garis panduan yang akan memberi prestasi sistem yang hebat. Anda mungkin akan menemui pilihan perletakan lain yang lebih sesuai bagi susun atur bilik anda dan memberi anda pengalaman bunyi yang dinikmati.

Meletakkan speaker

Apabila menempatkan speaker, pastikan bahawa:

- Speaker tengah (FRONT CENTER, REAR CENTER) harus diletakkan di ketinggian yang sama dan pada paras telinga mendengar yang biasa bagi prestasi bunyi yang terbaik.
- Speaker hadapan harus diletakkan pada jarak yang sama dari TV, FRONT RIGHT di sebelah kanan dan FRONT LEFT di sebelah kiri (seperti yang ditunjukkan di bawah).
- Speaker belakang harus diletakkan pada jarak yang sama dari speaker REAR CENTER; REAR RIGHT di sebelah kanan dan REAR LEFT di sebelah kiri (seperti yang ditunjukkan di bawah).




Bahasa Melayu

Sambungan Asas (bersambung)

Menempatkan subwoofer


Bagi prestasi optimum, tempatkan subwoofer AV di sudut bilik. Tempatkannya sekurang-kurangnya satu meter dari TV. Laraskan posisinya sehingga bunyi yang harmoni dicapai antara subwoofer dan speaker.



Menempatkan Peti Simpang

Anda boleh menempatkan peti Simpang di belakang TV/rak/meja untuk menyembunyikan sambungan kabel.

Bagi tujuan pemasangan, sambungkan satu bahagian jalur velcro yang dibekalkan pada peti simpang dan satu lagi di tempat di mana anda ingin memasang peti Simpang tersebut.




Menempatkan sistem DVD

Pastikan terdapat ruang yang mencukupi di sebelah kanan bagi memudahkan pengendalian cakera.

Pandangan Hadapan




Pandangan Sisi



Menempatkan peti penerima tanpa wayar AV

Anda boleh menempatkan peti tanpa wayar AV di belakang bilik dan pada jarak yang selesa supaya anda boleh menyambung speaker REAR CENTER, REAR LEFT dan REAR RIGHT ke peti tersebut.

- Pastikan peti penerima tanpa wayar AV ditempatkan berdekatan dengan salur keluar AC di mana palam kuasa AC boleh dicapai dengan mudah.
- Pastikan bahagian hadapan peti penerima tanpa wayar AV (dengan logo Philips) menghadap ke arah sistem DVD.
- Untuk prestasi tanpa wayar yang optimum, pastikan peti penerima tanpa wayar tidak diletakkan di kawasan yang tertutup.




Sambungan Asas (bersambung)

Langkah 3: Menyambung sistem DVD, subwoofer AV dan speaker hadapan


Sebelum anda mulakan...

Jika anda ingin menggantung sistem DVD di dinding, lihat bahagian "Sambungan Pilihan" sebelum membuat sebarang sambungan.

Bahasa Melayu



Sambungan Asas (bersambung)



Langkah 4: Menyambung speaker belakang tanpa wayar

Speaker belakang (REAR LEFT/ REAR RIGHT/ REAR CENTER) perlu disambungkan ke peti penerima tanpa wayar AV yang menerima isyarat dari sistem DVD.

Sebelum anda mulakan...

Jika anda ingin menggantung speaker di dinding, lihat bahagian "Sambungan Pilihan" sebelum membuat sebarang sambungan.


- ② Sambungkan palam speaker berwarna dari setiap speaker ke bicus speaker yang sepadan di dasar peti penerima tanpa wayar AV. Untuk kemudahan, setiap bicus speaker telah dikodkan dengan warna: REAR RIGHT (KANAN BELAKANG) (kelabu), REAR CENTER (TENGAH BELAKANG) (cokeklat) dan REAR LEFT (KIRI BELAKANG) (biru).

Panduan Berguna:

- Untuk mencegah bunyi bising yang tidak diingini, jangan letakkan speaker terlalu rapat dengan sistem DVD, adapter kuasa AC, TV atau sebarang sumber radiasi lain.

- ① Sambungkan bahagian wayar berjulur pada wayar speaker yang dibekalkan ke tab di dasar setiap kaki speaker. Lihat "Langkah 1: Memasang speaker".

Sambungan Tidak Wajib



Bahasa Melayu

Menggantung sistem DVD di dinding

Anda boleh memilih untuk menggantung sistem DVD pada dinding. Pilih posisi di mana tiada apa-apa yang menghalang lubang cakera di sebelah kanan.

AWAS:

Anda harus mendapatkan seseorang yang bertauliah untuk menggerudi dan memasukkan skru menggantung (tidak dibekalkan) di dinding. JANGAN lakukannya sendiri bagi mengelakkan sebarang kerosakan yang tidak diduga ke atas alat tersebut atau kecederaan ke atas seseorang.


Panduan Berguna:

– Philips tidak menanggung apa-apa liabiliti bagi sebarang kemalangan atau kerosakan akibat daripada pemasangan atau penggantungan yang tidak mencukupi, salah guna atau salah laku, atau bencana semula jadi.

- ① Memposisikan sistem DVD menghadap ke bawah pada permukaan tidak calar. Pastikan dasar sistem menghadap anda. Tekan selak yang terletak di setiap sisi untuk melepaskan penutup belakang sistem.
- ② Angkat penutup belakang ke atas dan tanggalkannya dari sistem DVD.
- ③ Tekan selak yang terdapat di setiap bahagian dalam kaki untuk menanggalkan dasar sistem DVD.
- ④ Gerudi lubang, kemudian masukkan palam dinding getah dan skru (tidak dibekalkan) ke dalam dinding.
- ⑤ Cangkukkan sistem DVD dengan kukuh pada skru, dengan memastikan ia muat ke dalam braket yang tergantung di belakang sistem DVD bagi menguncinya ke dalam posisi.

Sambungan Tidak Wajib (bersambung)

Bahasa Melayu



Menggantung speaker di dinding

Anda boleh memilih untuk menggantung speaker di dinding.

AWAS:



Anda harus mendapatkan seseorang yang bertauliah untuk menggerudi dan memasukkan skru menggantung (tidak dibekalkan) di dinding. JANGAN lakukan sendiri bagi mengelakkan sebarang kerosakan yang tidak diduga ke atas alat tersebut atau kecederaan ke atas seseorang.

Panduan Berguna:

- Philips tidak menanggung apa-apa liabiliti bagi sebarang kemalangan atau kerosakan akibat daripada pemasangan atau penggantungan yang tidak mencukupi, salah guna atau salah laku, atau bencana semula jadi.

- ① Langkah ini diperlukan untuk speaker tengah sahaja. Untuk menanggalkan kaki speaker tengah, longgarkan dan tanggalkan skru di belakang speaker. Lihat ilustrasi di atas.
- ② Gunakan skru yang dibekalkan untuk menyambung pendakap yang dibekalkan dengan kukuh ke belakang speaker.
- ③ Gerudi lubang di dinding di mana speaker hendak digantung. Pasangkan palam dinding getah dan skru (tidak dibekalkan) ke dalam dinding.
- ④ Cangkukkan speaker dengan kukuh pada skru, dengan memastikan ia muat ke dalam pendakap di belakang speaker.

Sambungan Tidak Wajib (bersambung)



Bahasa Melayu

Menyambung ke TV Skan Progresif

PENTING!

- Kualiti video skan progresif hanya boleh diperoleh apabila TV skan progresif disambungkan ke bicu Y Pb Pr.
- **JANGAN** sambungkan HDMI dan Y Pb Pr ke TV, ia boleh menjelas kualiti gambar.

- ➊ Gunakan kabel video komponen (merah/biru/hijau – tidak dibekalkan) untuk menyambung soket **Y Pb Pr** pada sistem DVD ke soket input video komponen yang sepadan (atau yang dilabelkan sebagai Y Pb/Cb Pr/Cr atau YUV) pada TV.
- ➋ Jangan sambungkan bicu video dari Peti Simpang ke TV anda.
- ➌ Untuk mendengar saluran TV melalui sistem DVD ini, gunakan kabel audio (putih/merah – tidak dibekalkan) untuk menyambung bicu **AUX IN** ke bicu **AUDIO OUT** sepadan di TV.
- ➍ Teruskan ke muka 125~126 bagi tetapan Skan Progresif terperinci.

Menyambung ke peranti yang sesuai dengan HDMI



HDMI menyambung penghantaran digital tidak diproses dan dimampat bagi kualiti imej/bunyi yang paling baik didefinisikan. Keupayaan palam dan main memerlukan satu kabel sahaja bagi kedua-dua output audio/video.

- ➊ Buka penutup belakang sistem DVD dengan melepaskan kedua-dua selak di dasar sistem.
- ➋ Gunakan kabel HDMI (tidak dibekalkan) untuk menyambung bicu **HDMI OUT** (di belakang sistem DVD) ke bicu **HDMI IN** di peranti yang sesuai dengan HDMI (misalnya TV HDMI, TV yang menuruti HDCP).
- ➌ Sebaik saja anda telah selesai dengan sambungan, pemasangan dan tetapan yang diperlukan, lihat muka 139 dan 142 bagi tetapan audio dan video HDMI yang optimum.

Panduan Berguna:

- HDMI sesuai dari belakang dengan beberapa peranti DVI menggunakan palam adaptor yang sesuai.
- Kebanyakan peranti lama yang membolehkan DVI tidak menuruti HDCP dan main semula tidak boleh dilakukan.

Sambungan Tidak Wajib (bersambung)



Menyambung ke peranti audio/video analog

Anda boleh menyambung peranti audio/video analog (misalnya VCR, Peti Kabel/Satelite, TV atau perakam kaset) ke Peti Simpang bagi menikmati keupayaan bunyi sekeliling Sistem Audio teater Rumah.

- Gunakan kabel audio (merah/putih – tidak dibekalkan) untuk menyambung soket **AUX IN** (R/L) pada Peti Simpang ke soket **AUDIO OUT** pada alat audio/video analog.

Untuk mendengar kepada bunyi, tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih "AUX" sebagai sumber untuk main.

Panduan Berguna:

- Merakam dari sistem DVD ini ke VCR anda tidak boleh dilakukan.
- Untuk melihat gambar peranti video yang disambungkan (misalnya VCR), sambungkan soket **VIDEO OUT** peranti ke soket **VIDEO IN** TV, dan pilih saluran input yang betul pada TV.

Menyambung ke peranti audio digital

Anda boleh menyambung peranti audio digital (misalnya perakam CD) ke Peti Simpang bagi menikmati keupayaan bunyi sekeliling Sistem Audio teater Rumah.


- Gunakan kabel dwi paksi (tidak dibekalkan). Sambungkan bicus **DIGITAL IN** pada Peti Simpang ke bicus **DIGITAL OUT** pada alat audio digital.

Untuk mendengar bunyi, tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih "DI" sebagai sumber untuk main.

Panduan Berguna:

- Anda tidak boleh mendengar atau merakam main semula SACD atau MP3-CD jika anda menggunakan sambungan digital.
- Untuk main semula melalui sambungan **DIGITAL IN**, tetapkan output digital pemain tersebut kepada format PCM.
- Sentiasa rujuk kepada buku panduan pengguna peralatan lain bagi butiran sambungan lengkap dan penggunaan.

Sambungan Tidak Wajib (bersambung)



Bahasa Melayu

Menyambung ke terminal antena FM luar

Jika penerimaan FM kurang baik, anda boleh gunakan kabel dwi paksi FM (tidak dibekalkan) untuk menyambung kabel dwi paksi FM 75Ω (tersembunyi di dalam penutup belakang) terus ke terminal antena FM luar.

- ① Buka penutup belakang sistem DVD dengan melepaskan dua selak yang terletak di dasar sistem.
- ② Cabut palam antena ekor babi FM dari kabel dwi paksi FM 75Ω .
- ③ Sambung kabel dwi paksi FM 75Ω ke satu hujung kabel dwi paksi FM yang disambungkan ke terminal antena FM luar.

Panduan Berguna:

- Posisikan antena sebuah mungkin dari TV, VCR anda atau sumber radaasi lain untuk mencegah sebarang gangguan yang tidak diingini.

Untuk Memulakan

Langkah 1: Menghidupkan sistem DVD

- Tekan butang **SOURCE** pada sistem DVD berulang kali untuk memilih:
DISC → TUNER FM → TV → AUX
→ DI → DISC

Tutup ke mod sedia

- Tekan **STANDBY** ⏻ pada alat kawalan jauh.
➔ Mesej "Standby" akan ditunjukkan pada skrin paparan, dan akan hilang dengan perlahan.

Langkah 2: Mencari saluran tontonan yang betul

Sebelum anda mulakan ...
Pastikan anda telah melengkapkan semua sambungan yang diperlukan sebelum meneruskan.

- Tekan butang **SOURCE** sehingga "DISC" muncul di panel paparan.
- Hidupkan TV dan tetapkannya kepada saluran video-in yang betul. Anda harus lihat skrin latar belakang DVD berwarna biru di TV.
➔ Anda boleh pergi ke Saluran 1 di TV anda, kemudian tekan butang Channel Down pada alat kawalan jauh TV sehingga anda melihat saluran Video In.
➔ Anda boleh menekan butang ⏻ berulang kali pada alat kawalan jauh TV anda.
➔ Biasanya saluran ini adalah antara saluran terendah dan tertinggi dan mungkin dipanggil FRONT, A/V IN, VIDEO. Lihat buku panduan TV anda untuk maklumat lanjut.

TIP: Tekan ◀ untuk kembali ke perkara menu sebelumnya.
Tekan **SYSTEM MENU** untuk keluar dari menu.

Untuk Memulakan (bersambung)


Langkah 3: Menetapkan bahasa yang diingini

Pilihan bahasa adalah berbeza bergantung kepada negara atau rantau anda. Ia mungkin tidak sepadan dengan ilustrasi yang ditunjukkan pada buku panduan pengguna.

Bahasa paparan di skrin (OSD)

Bahasa OSD (Paparan Di Skrin) untuk sistem DVD ini akan kekal sebagaimana anda telah tetapkan, tidak kira perubahan yang dibuat kepada bahasa cakera DVD.

- ① Dalam mod 'DISC', tekan **SYSTEM MENU**.
→ { **General Setup Page** } muncul.
- ② Gunakan kekunci **▲▼** untuk menyerlahkan { **OSD Language** }, kemudian tekan **▶**.




- ③ Gunakan kekunci **▲▼** untuk memilih bahasa dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Audio, Sari Kata dan bahasa Menu untuk main semula DVD

Anda boleh memilih tetapan bahasa yang dikehendaki untuk main semula DVD. Jika bahasa yang dipilih direkodkan pada cakera DVD tersebut, sistem DVD tersebut akan memainkan cakera dalam bahasa tersebut secara automatik. Sebaliknya pula, bahasa sedia ada cakera akan digunakan.

- ① Tekan **■** sebanyak dua kali untuk main semula (jika ada), kemudian tekan **SYSTEM MENU**.
- ② Tekan **▶** berulang kali untuk memilih { **Preference Page** }.
- ③ Gunakan kekunci **▲▼** untuk menyerlahkan salah satu dariipada pilihan di bawah, kemudian tekan **▶**.



Bahasa Melayu

{ **Audio** }

Pilih bahasa audio yang dikehendaki untuk main semula DVD.

{ **Subtitle** }

Pilih bahasa sari kata yang dikehendaki untuk main semula DVD.

{ **Disc Menu** }

Pilih bahasa menu cakera yang dikehendaki untuk main semula DVD.

TIP: Tekan **◀** untuk kembali ke perkara menu sebelumnya.
Tekan **SYSTEM MENU** untuk keluar dari menu.

Untuk Memulakan (bersambung)

- ④ Gunakan kekunci **▲▼** untuk memilih bahasa dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Jika bahasa yang anda ingini tiada dalam senarai, pilih { Others }.

Gunakan papan kekunci berangka (0-9) pada alat kawalan jauh untuk memasukkan kod bahasa 4 angka 'XXXX' (lihat muka 156) dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

- ⑤ Ulang langkah ③ ~ ④ untuk tetapan lain.

Panduan Berguna:


- Semasa main semula DVD, anda boleh menukar bahasa audio dan sarikata dengan menekan butang **AUDIO** dan **SUBTITLE** pada alat kawalan jauh. Walau bagaimanapun, ini tidak menukar tetapan sedia ada yang anda telah buat di sini.
- Untuk sesetengah DVD, bahasa sarikata/audio/menu hanya boleh ditukar melalui menu cakera DVD.

Langkah 4: Menetapkan TV

Memilih sistem warna yang sepadan

Sistem warna sistem DVD, DVD dan TV harus sepadan. Hanya selepas itu barulah boleh untuk memainkan DVD pada sistem ini. Sebelum menukar sistem TV, tentukan sistem warna TV anda.

- ① Dalam mod 'DISC', tekan **SYSTEM MENU** pada alat kawalan jauh.
- ② Tekan **▶** berulang kali untuk memilih { **Video Setup Page** }.
- ③ Tekan **▼** untuk menyerlahkan { **TV Type** }, kemudian tekan **▶**.



{ **PAL** }

Pilih ini jika TV yang disambungkan mempunyai sistem warna PAL. Ia akan menukar isyarat video cakera NTSC dan outputnya ke format PAL.

{ **NTSC** }

Pilih ini jika TV yang disambungkan mempunyai sistem warna NTSC. Ia akan menukar isyarat video cakera PAL dan outputnya ke format NTSC.

{ **Multi** }

Pilih ini jika TV yang disambungkan sesuai dengan NTSC dan PAL (berbilang sistem). Format output akan mengikut isyarat video cakera tersebut.

- ④ Pilih salah satu daripada pilihan tersebut dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
 - ➔ Ikuti arahan yang ditunjukkan di TV untuk mengesahkan pilihan (jika ada).
 - ➔ Jika skrin TV kosong/terganggu muncul, tunggu selama 15 saat bagi pemulihan auto.


TIP: Tekan **◀** untuk kembali ke perkara menu sebelumnya.
Tekan **SYSTEM MENU** untuk keluar dari menu.

Untuk Memulakan (bersambung)

Menetapkan Paparan TV

Tetap nisbah aspek sistem DVD mengikut jenis TV yang telah disambungkan. Format yang anda pilih mesti ada pada cakera. Jika tidak, tetapan bagi paparan TV tidak akan menjas gambar semasa main semula.

- ① Dalam mod 'DISC', tekan **SYSTEM MENU** pada alat kawalan jauh.
- ② Tekan ► berulang kali untuk memilih { **Video Setup Page** }.
- ③ Tekan ▼ untuk menyerlahkan { **TV Display** }, kemudian tekan ►.



{ 4:3 Pan Scan }

Pilih ini jika anda mempunyai TV konvensional dan ingin kedua-dua belah gambar ditrim atau diformat untuk muat di skrin TV anda.



{ 4:3 Letter Box }

Pilih ini jika anda mempunyai TV konvensional. Dalam kes ini, gambar yang luas dengan jalur hitam di bahagian atas dan bawah skrin TV akan dipaparkan.



{ 16:9 Wide Screen }

Pilih ini jika anda mempunyai TV berskrin luas.



- ④ Pilih salah satu daripada pilihan tersebut dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Menetapkan ciri Skan Progresif (untuk TV Skan Progresif sahaja)


Skan progresif memaparkan dua kali bilangan bingkai sesaat daripada skan jalinan (sistem TV biasa). Dengan hampir sekali ganda garisan, skan progresif menawarkan resolusi dan kualiti gambar yang lebih tinggi.

PENTING!

Sebelum membolehkan ciri skan progresif, anda mesti pastikan:

- 1) TV anda boleh menerima isyarat progresif, TV skan progresif diperlukan.
- 2) Anda telah menyambungkan Peti Simpang ke TV anda menggunakan Y Pb Pr (lihat muka 119).


- ① Matikan mod skan progresif TV atau hidupkan kepada mod jalinan (rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda)
- ② Tekan **SOURCE** berulang kali sehingga "DISC" muncul di panel paparan.
- ③ Hidupkan TV dan tetapkannya kepada saluran video-in yang betul.
→ Skrin latar belakang DVD berwarna biru akan muncul di TV.
- ④ Tekan **SYSTEM MENU** pada alat kawalan jauh.
- ⑤ Tekan ► untuk memilih { **Video Setup Page** }.
- ⑥ Pilih { **Progressive** } > { **On** } kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan.



TIP: Tekan ◀ untuk kembali ke perkara menu sebelumnya.
Tekan **SYSTEM MENU** untuk keluar dari menu.

Untuk Memulakan (bersambung)

- 7 Menu di bawah akan muncul di TV.



- 8 Tekan **◀** untuk menyerlahkan **OK** di dalam menu dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Tidak akan ada gambar di TV anda pada keadaan ini kecuali jika anda telah menghidupkan mod skan progresif di TV anda.

- 9 Hidupkan mod skan progresif TV anda (rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda).
→ Menu di bawah akan muncul di TV.



- 10 Tekan **◀** untuk menyerlahkan **OK** di dalam menu dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
→ Tetapan kini sudah lengkap dan anda boleh mula untuk menikmati gambar berkualiti tinggi.

Jika tiada gambar yang dipaparkan:

- Tunggu selama 15 saat untuk pemulihan auto. ATAU
- 1 Nyahaktih ciri Skan Progresif dengan menekan **▲ (EJECT)** di panel hadapan.
- 2 Tekan **▶** pada alat kawalan jauh.
- 3 Tekan **SUBTITLE** pada alat kawalan jauh.
→ Skrin latar belakang DVD berwarna biru akan muncul di TV.

Panduan Berguna:

- Terdapat beberapa TV skan progresif dan TV Berdefinisi Tinggi yang tidak sesuai sepenuhnya dengan unit ini, menghasilkan gambar tidak semula jadi apabila main semula cakera DVD VIDEO dalam mod skan progresif. Dalam kes ini, matikan ciri skan progresif pada sistem DVD dan TV anda.

TIP: Tekan **◀** untuk kembali ke perkara menu sebelumnya.
Tekan **SYSTEM MENU** untuk keluar dari menu.

Untuk Memulakan (bersambung)


Langkah 5: Menetapkan saluran speaker

Anda boleh melaras masa lewat (tengah dan sekeliling sahaja) dan paras volum bagi speaker individu. Pelarasian ini membenarkan anda untuk mengoptimumkan bunyi mengikut keadaan sekeliling dan tetapan anda.

Sebelum anda mulakan...

- Tekan butang **SURR.** pada alat kawalan jauh untuk memilih mod sekeliling berbilang saluran sebelum melaras tetapan speaker.
- Sekiranya gangguan terhadap bunyi, tekan dan pegang butang **SOUND** untuk memilih saluran penghantaran lain bagi speaker belakang tanpa wayar.


- ➊ Tekan ■ untuk menghentikan mainan semula, kemudian tekan **SYSTEM MENU**.
- ➋ Tekan ► berulang kali untuk memilih { **Audio Setup Page** }.
- ➌ Tekan ▲▼ untuk menyerlahkan { **Speaker Setup Page** }, kemudian tekan ►.



- ➍ Masuk ke submenunya dengan menekan ►.
- ➎ Tekan ▲▼ untuk menyerlahkan salah satu pilihan di bawah pada satu-satu masa, kemudian tekan ►.


{ Speakers Volume }

- Tetapan paras volum untuk speaker individu (-6dB – +6dB).



{ Speakers Delay }

- Tetapan masa lewat berhubung dengan posisi/jarak mendengar bagi speaker tengah dan sekeliling.



Nota: Peningkatan/pengurangan 1 ms masa lewat sama dengan perubahan 30 cm dalam jarak. Gunakan tetapan masa lewat lebih lama apabila speaker belakang lebih dekat dengan pendengar daripada speaker hadapan.

- ➏ Tekan ◀► untuk melaras tetapan yang paling sesuai dengan keperluan bunyi sekeliling anda.
- ➐ Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Panduan Berguna:

- Gunakan tetapan masa lewat yang lebih lama apabila speaker belakang lebih hampir kepada pendengar daripada speaker hadapan.
- Nada uji akan dijana secara automatik untuk membantu anda menimbangkan paras bunyi bagi setiap speaker.

TIP: Tekan ◀ untuk kembali ke perkara menu sebelumnya.
Tekan **SYSTEM MENU** untuk keluar dari menu.

Operasi Cakera

Cakera boleh dimainkan



Sistem teater rumah DVD anda akan main:

- Cakera Versatil Digital (DVD)
- CD Video (VCD)
- CD Video Super (SVCD)
- CD Super Audio CD (SACD)
- DVD Dimuktamadkan Boleh Rakam (DVD±R), DVD Boleh Tulis (DVD±RW)
- Cakera Padat Audio (CDs)
- Cakera Audio MP3/ Windows Media™, fail gambar (Kodak, JPEG) pada CD-R(W)
 - Format UDF/ISO 9660
 - Sokongan resolusi JPEG sehingga 3072 x 2048
 - Frekuensi sampel yang disokong: 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz
 - Kadar bit yang disokong: 32~256 (kbps), kadar bit yang boleh ubah
- Fail MPEG-4 pada CD-R(W):
 - Profil mudah
 - Profil mudah maju (640-480)
- Fail DivX® pada CD-R(W)/DVD+R(W):
 - DivX® 3.11/ 4.x/ 5.x/ 6.X
 - Menyokong QPEL (Quarter Pixel)
- Fail XviD pada CD-R(W)/DVD+R(W)

Rantau bagi cakera DVD

Cakera dan pemain DVD direka dengan batasan serantau. Sebelum memainkan cakera, pastikan cakera adalah untuk rantau yang sama seperti pemain cakera anda. Kod serantau bagi sistem DVD ini dinyatakan di panel belakang.

PENTING!

- Jika ikon mlarang (Ø atau X) muncul di skrin TV apabila butang ditekan, ia bermakna fungsi tersebut tiada pada cakera semasa atau pada waktu semasa.
- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera pada dulang cakera. Berbuat demikian boleh menyebabkan pemain cakera menjadi rosak.

Panduan Berguna:


- Tidak mungkin untuk memainkan cakera CD-R/RW atau DVD-R/RW dalam semua kes disebabkan oleh jenis cakera atau keadaan rakaman.
- Jika anda menghadapi masalah memainkan cakera tertentu, keluarkan cakera tersebut dan cuba yang lain. Cakera yang tidak diformat dengan sempurna tidak akan dimainkan pada sistem DVD ini.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak dapat dilakukan bagi cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Memainkan cakera

- ① Tekan butang **SOURCE** sehingga "DISC" muncul di panel paparan.
- ② Hidupkan kuasa TV dan tetapkan ke saluran Video In yang betul (Lihat bahagian "Mencari saluran tontonan yang betul").
→ Anda harus lihat skrin latar belakang DVD berwarna biru di TV.
- ③ Masukkan cakera ke dalam lubang cakera.
→ Pastikan label cakera menghadap ke atas. Untuk cakera dua belah, masukkan belah yang ingin dimainkan menghadap ke atas.
→ Apabila memasukkan cakera 8cm, masukkan ke dalam bahagian tengah pemuat cakera.



- ④ Main semula akan mula secara automatik.
→ Jika menu cakera muncul di TV, lihat muka 130 "Menggunakan Menu Cakera".
→ Jika cakera dikunci oleh kawalan ibu bapa, anda mesti masukkan kata laluan enam angka anda (lihat muka 144).
- ⑤ Untuk mengeluarkan cakera, tekan ▲ (EJECT) atau tekan dan pegang butang ■ pada alat kawalan jauh.

Kawalan asas main semula

Menghentikan main semula buat seketika

- Semasa main semula tekan ►|| (PLAY PAUSE) atau || pada alat kawalan jauh.
→ Untuk menyambung main semula, tekan ►|| (atau PLAY ► pada alat kawalan jauh).

Memilih trek/bab lain

- Tekan ↪/↪ (PREV/ NEXT) atau gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** untuk menekan nombor trek/bab.
→ Jika mod trek ulangan sedang aktif, tekan ↪ sekali lagi untuk mengulang main trek/bab yang sama.

Mencari ke belakang/hadapan

- Tekan dan pegang ↪/↪ (PREV/ NEXT)
→ Semasa mencari, tekan ↪/↪ (PREV/ NEXT) berulang kali untuk mengurangkan/ meningkatkan kelajuan pencarian.
→ Untuk menyambung main semula, tekan ►|| (atau PLAY ► pada alat kawalan jauh).

Menghentikan main semula

- Tekan ■ (STOP) .

Bahasa Melayu

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak dapat dilakukan bagi cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Memilih pelbagai fungsi ulangan/kocok

- Apabila memainkan cakera, tekan **REPEAT** pada alat kawalan jauh berulang kali untuk memilih mod main ulangan.

DVD

- RPT ONE (ulang bab)
- RPT TT (ulang tajuk)
- SHUFFLE (main secara rambang)
- RPT SHF (ulang main secara rambang)
- RPT OFF (keluar mod ulang)

VCD/SVCD/CD

- RPT ONE (ulang trek)
- RPT ALL (ulang cakera)
- SHUFFLE (main secara rambang)
- RPT SHF (ulang main secara rambang)
- RPT OFF (keluar mod ulang)


MP3/SACD/DivX®/Windows Media™ Audio

- RPT ONE (ulang trek)
- RPT ALL/FLD (ulang folder)
- SHUFFLE (main secara rambang)
- RPT OFF (keluar mod ulang)

Panduan Berguna:

- Ulang main semula tidak boleh dilakukan pada VCD apabila mod PBC dihidupkan.

Ciri main semula yang lain bagi cakera video (DVD/VCD/SVCD)



Menggunakan Menu Cakera

Bergantung kepada format cakera, menu mungkin muncul di skrin TV sebaik saja anda memasukkan cakera.

Untuk memilih ciri main semula atau sesuatu perkara

- Gunakan kekunci **◀▶▲▼** atau **papan kekunci berangka (0-9)** pada alat kawalan jauh, kemudian tekan **OK** untuk mula main semula.

Untuk mengakses atau menghilangkan menu

- Tekan **DISC MENU** pada alat kawalan jauh.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak dapat dilakukan bagi cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Menonton maklumat main semula

Sistem DVD ini boleh mamparkan maklumat main semula cakera (misalnya, tajuk dan nombor bab, masa main yang berlalu, bahasa audio/sari kata) dan bilangan operasi yang boleh dijalankan tanpa mengganggu main semula cakera.

- ① Semasa main semula, tekan **DISPLAY**.
→ Satu senarai maklumat cakera yang ada muncul di TV.



- ② Gunakan kekunci **▲▼** untuk melihat maklumat tersebut dan tekan **OK** untuk mengakses.
- ③ Gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** untuk input nombor/masa atau gunakan kekunci **▲▼** untuk membuat pilihan, kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan.
→ Main semula akan bertukar mengikut masa pilihan atau tajuk/bab/trek yang dipilih.

Menyambung main semula dari titik berhenti yang terakhir

Sistem DVD ini boleh menyambung main semula cakera dari titik berhenti yang terakhir (hanya boleh bagi 10 cakera terakhir yang dirakam tanpa menu).

- ① Masukkan satu daripada 10 cakera terakhir yang dimainkan.
- ② Apabila "LOADING" muncul di panel paparan, tekan **PLAY ►** (atau **►II**) untuk mula main semula dari titik berhenti yang terakhir.

Untuk membatalkan mod sambung semula

- Tekan **■ (STOP)** sebanyak dua kali.

Zum masuk

Pilihan ini membenarkan anda untuk membesaraskan gambar di skrin TV dan pan gambar yang diperbesarkan.

- ① Semasa main semula, tekan **ZOOM** pada alat kawalan jauh berulang kali untuk memilih faktor zum yang berbeza.
→ Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk bergerak melalui imej yang dizum.
→ A reprodução continuará.
- ② Tekan **ZOOM** berulang kali untuk kembali ke saiz asal.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak dapat dilakukan bagi cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Menukar bahasa sari kata (DVD sahaja)

Operasi ini hanya berfungsi pada DVD dengan berbilang bahasa sari kata. Anda boleh menukar bahasa yang diingini semasa memainkan DVD.

- Tekan **SUBTITLE** berulang kali untuk memilih bahasa sari kata yang berbeza.

Menukar bahasa trek bunyi

Operasi ini hanya berfungsi pada DVD dengan berbilang bahasa trek bunyi, anda boleh menukar bahasa yang diingini semasa memainkan DVD.

- Tekan **AUDIO** berulang kali untuk memilih bahasa audio yang ada.
- Untuk **VCD – menukar saluran audio**
 - Tekan **AUDIO** berulang kali untuk memilih saluran audio yang ada yang disediakan oleh cakera (STEREO, MONO LEFT, MONO RIGHT atau MIX MONO).

Menukar sudut kamera

Pilihan ini hanya ada dengan DVD yang mengandungi urutan yang dirakam dari sudut kamera yang berbeza. Ini membolehkan anda untuk menonton gambar dari sudut yang berbeza.

- Tekan **ANGLE** berulang kali untuk memilih sudut kamera yang ada.

Kawalan Main Semula (VCD sahaja)

Kawalan Main Semula (PCB) membenarkan anda untuk memainkan CD Video secara interaktif, mengikut menu di paparan. Fungsi ini juga boleh diakses melalui menu 'Muka Surat yang Digemari'. (lihat muka 143)

Untuk VCD dengan ciri Kawalan Main Semula (PCB) (versi 2.0 sahaja)

- Apabila main semula dihentikan, tekan **DISC MENU** untuk bertukar-tukar antara 'PBC ON' dan 'PCB OFF'.
 - ➔ Jika anda memilih 'PCB ON', menu cakera (jika ada) akan muncul di TV. Gunakan kekunci **▲▼** atau **papan kekunci berangka (0-9)** untuk membuat pilihan main dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
 - ➔ Jika anda memilih 'PCB OFF', VCD akan melangkau menu indeks dan main semula secara langsung dari mula.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak dapat dilakukan bagi cakera tertentu.
Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)


Mainkan cakera Audio MP3/ JPEG/ MPEG-4/ Windows Media™

Sistem DVD ini boleh main semula kebanyakan fail Audio MP3, JPEG, MPEG-4 dan Windows Media™ yang dirakam pada cakera CD-R/RW atau CD komersial.

Sebelum anda mulakan...

Anda perlu buka TV anda ke saluran Video In yang betul. (Lihat bahagian mengani "Mencari saluran tontonan yang betul").

- ① Masukkan cakera.
 - ➔ Masa bacaan cakera mungkin melebihi 30 saat disebabkan kerumitan konfigurasi direktori/fail.
 - ➔ Menu cakera muncul di TV.



- ② Jika menu utama cakera mengandungi pelbagai folder, gunakan kekunci **▲▼** untuk memilih folder yang diingini dan tekan **OK** untuk membuka folder tersebut.
- ③ Gunakan kekunci **▲▼** untuk memilih trek/fail dan tekan **OK** untuk mulakan main semula.
 - ➔ Main semula akan mula dari fail yang dipilih dan terus ke penghujung folder.

Semasa main semula, anda boleh;

- Tekan **◀◀ / ▶▶** untuk main semula satu lagi trek/fail di dalam folder semasa.
- Terus tekan **◀◀ / ▶▶** untuk carian pantas ke belakang/hadapan untuk trek musik.
- Untuk pilih satu lagi folder daripada cakera semasa, tekan **▲** untuk kembali ke menu akar. Gunakan kekunci **▲▼** untuk membuat pilihan anda dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
- Tekan **REPEAT** berulang kali untuk mengakses pelbagai mod main.
- ④ Untuk menghentikan seketika main semula, tekan **II** pada alat kawalan jauh. Untuk menyambung main semula, tekan butang **PLAY ▶**.
- ⑤ Untuk menghentikan main semula, tekan **■**.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak dapat dilakukan bagi cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera (bersambung)

Memainkan fail imej JPEG (pertunjukan slaid)

Sebelum anda mulakan...

Anda perlu buka TV anda ke saluran Video In yang betul. Lihat bahagian mengenai "Mencari saluran tontonan yang betul".

- Masukkan cakera Gambar (Kodak Picture CD, JPEG).
 - ➔ Untuk cakera Kodak, pertunjukan slaid akan mula secara automatik.
 - ➔ Untuk cakera JPEG, menu gambar akan muncul di TV. Tekan PLAY ▶ (atau ▶II) untuk mulakan main semula pertunjukan slaid.

Fungsi Pranonton

- ① Semasa main semula, tekan ■.
➔ 12 gambar kecil akan dipaparkan di TV.



- ② Tekan ▲◀◀/▶▶◀ untuk memaparkan gambar lain pada muka surat sebelumnya/berikutnya.
- ③ Gunakan kekunci ▲▶▲▼ untuk menyerlahkan salah satu gambar dan tekan OK untuk mula main semula.
- ④ Tekan **DISC MENU** untuk kembali ke menu CD Gambar.

Zum gambar

- ① Semasa main smeula, tekan **ZOOM** berulang kali untuk memilih faktor zum yang berbeza.
- ② Gunakan kekunci ▲▶▲▼ untuk pan imej zum tersebut.

Memusing/Menterbalikkan gambar

- Semasa main semula, gunakan kekunci ▲▶▲▼ untuk memusing/menterbalikkan gambar di TV.
 - ▲: terbalikkan gambar secara menegak
 - ▼: terbalikkan gambar secara mendatar
 - ◀: memusing gambar mengikut anti pusingan jam
 - ▶: memusingkan gambar mengikut pusingan jam

Format fail yang disokong:

- Lanjutan fail perlu mempunyai *.JPG' dan bukan *.JPEG'.
- ia hanya boleh memaparkan gambar pegun standard DCF atau gambar JPEG misalnya TIFF. Ia tidak boleh main semula gambar bergerak, JPEG Bergerak, JPEG progresif dan format lain, atau gambar dalam format selain daripada JPEG, atau gambar yang dikaitkan dengan bunyi.
- ia mungkin memerlukan masa yang lebih lama bagi sistem DVD untuk memaparkan kandungan cakera di TV disebabkan bilangan besar lagu/gambar yang dikumpulkan ke dalam satu cakera.

TIP: Sesetengah cakera tidak boleh dimainkan di alat pemain ini kerana konfigurasi dan sifat cakera tersebut, atau kerana keadaan rakaman dan perisian penulisan yang digunakan.

Operasi Cakera (bersambung)

Memainkan muzik

- ① Masukkan cakera MP3 yang mengandungi muzik dan gambar.
- ② Pilih trek MP3 di dalam menu dan tekan PLAY ► (atau ►II) untuk mula main semula.
- ③ Semasa main smeula muzik MP3, gunakan kekunci ▲▼◀▶ untuk memilih folder gambar dari menu cakera dan tekan PLAY ► (atau ►II).
→ Fail gambar akan dimain semula sehingga penghujung folder.
- ④ Untuk main semula secara serentak, tekan **DISC MENU** dan diikuti dengan ■.

Panduan Berguna:

- Adalah perkara biasa untuk mengalami “langkau” sekali sekala semasa mendengar kepada Cakera MP3 anda.
- Adalah perkara biasa untuk mengalami bintik-bintik sekali sekala semasa main semula MPEG-4/DivX® disebabkan kejelasan yang kurang baik kandungan digital semasa muat turun dari internet.
- Hanya sesi pertama daripada CD berbilang sesi akan dimain semula.

Memainkan CD Super Audio (SACD)

Terdapat tiga jenis cakera SACD: lapisan tunggal, lapisan berganda atau cakera hibrid. Cakera hibrid mengandungi CD Super Audio dan lapisan CD audio standard, hanya lapisan SACD boleh dimain semula pada sistem DVD ini.

- ① Masukkan SACD.
→ Menu cakera muncul di skrin TV.
- ② Main semula akan mula secara automatik.
→ Jika SACD terdiri daripada berbilang saluran dan trek stereo, trek berbilang saluran akan diberi keutamaan untuk dimain semula.
→ Untuk main smeula trek stereo, gunakan kekunci ▲▼◀▶ untuk membuat pilihan anda daripada menu cakera, kemudian tekan PLAY ►.

Panduan Berguna:

- Tidak mungkin untuk memprogram trek SACD.

TIP: Sesetengah cakera tidak boleh dimainkan di alat pemain ini kerana konfigurasi dan sifat cakera tersebut, atau kerana keadaan rakaman dan perisian penulisan yang digunakan.

Operasi Cakera (bersambung)

Memainkan cakera DivX®

Sistem DVD ini menyokong main komputer anda ke cakera CD-R/RW, DVD±R/±RW. semula filem DivX® yang and boleh salin dari.

- ① Masukkan cakera DivX®.
- ② Jika filem DivX® mengandungi sari kata luar, menu sari kata akan muncul di TV untuk pilihan anda.
 - Dalam kes ini, menekan **SUBTITLE** pada alat kawalan jauh akan menghidupkan atau mematikan sari kata.
- ③ Untuk memulakan main semula, tekan **PLAY ►** pada alat kawalan jauh.
 - Jika sari kata berbilang bahasa sudah ada pada cakera DivX®, anda boleh menekan **SUBTITLE** untuk menukar bahasa sari kata semasa dimainkan.

Panduan Berguna:

- Fail sari kata dengan lanjutan nama fail berikut (.srt, .smi, .sub, .ssa, .ass) disokong tetapi tidak muncul di menu navigasi fail.
- Nama fail sari kata perlu sama dengan nama fail filem tersebut.
- Sari kata hanya boleh dipaparkan sehingga 35 abjad paling maksimum.

TIP: Sesetengah cakera tidak boleh dimainkan di alat pemain ini kerana konfigurasi dan sifat cakera tersebut, atau kerana keadaan rakaman dan perisian penulisan yang digunakan.


Pilihan Menu Tetapan DVD

Mengakses menu tetapan DVD

Tetapan sistem DVD ini dibawa melalui TV, membolehkan anda untuk menyesuaikan sistem DVD supaya sesuai dengan keperluan tertentu anda.


- Dalam mod 'DISC', tekan **SYSTEM MENU**.
→ Menu tetapan muncul.

- Gunakan kekunci **◀▶** untuk memilih salah satu daripada muka surat menu tetapan dan tekan **OK**.




- Jika anda tidak boleh mengakses { **Preference Page** }, tekan **SYSTEM MENU** untuk keluar daripada menu tersebut. Kemudian, tekan **■** (STOP) sebanyak dua kali sebelum anda menekan **SYSTEM MENU** sekali lagi.
- Gunakan kekunci **▲▼** untuk membuat pilihan tetapan dan tekan **▶** untuk mengaksesnya.
- Pilih tetapan yang ingin ditukar dan tekan **OK** untuk mengesahkan dan pergi semula ke perkara yang dipilih sebelum ini.
 - Arahan dan penerangan pilihan disediakan di muka surat yang berikutnya.
 - Jika pilihan di menu dikelabukan, itu bermakna bahawa tetapan tersebut tidak ada atau tidak boleh ditukar dalam keadaan semasa.


- Untuk keluar, tekan **SYSTEM MENU**.




lihat muka
138



lihat muka
139



lihat muka
140



lihat muka
143

Bahasa Melayu

Pilihan Menu Tetapan DVD (bersambung)

Muka Surat Tetapan Umum (pilihan bergaris bawah adalah tetapan sedia ada kilang)

Disc Lock (Kunci Cakera)

Tidak semua cakera dinilai atau dikod oleh pembuat cakera. Anda boleh mencegah cakera tertentu daripada dimainkan dengan mengunci cakera tersebut. Sehingga 40 cakera boleh dikunci.

{ Lock }

- Pilih ini untuk menghalang main semula cakera semasa. Akses selanjutnya kepada cakera yang dikunci memerlukan kata laluan enam angka. Kata laluan sesia ada ialah '136900' (lihat 'Muka Surat Tetapan Kegemaran – { Password }).

{ Unlock }

- Semua cakera boleh dimainan.

OSD language (Bahasa OSD)

Memilih bahasa yang dikehendaki bagi menu paparan di skrin sistem DVD.

Screen Saver (Penjimat Skrin)

Penjimat skrin akan membantu mencegah kerosakan kepada peranti paparan TV anda.

{ On }

- Mematikan skrin TV apabila main semula telah diberhentikan atau berhenti seketika untuk lebih dari 15 minit.

{ Off }

- Mematikan fungsi penjimat skrin.

DIVX(R) VOD code (Kod DivX(R) VOD)

Philips memberi anda kod pendaftaran DivX® VOD (Video Atas Permintaan) yang membolehkan anda untuk menyewa dan membeli video menggunakan perkhidmatan DivX® VOD. Tekan ► untuk melihat kod pendaftaran dan tekan OK untuk keluar.

Gunakan kod pendaftaran untuk membeli atau menyewa video daripada perkhidmatan DivX® VOD di www.divx.com/vod. Ikuti arahan dan salin video dari komputer anda ke cakera CD-R/RW untuk dimain semula pada sistem DVD ini.

Nota: Semua video yang dimuat turun dari DivX® VOD sahaja boleh dimain semula pada sistem DVD ini. Untuk maklumat lanjut, kunjungi kami di www.divx.com/vod

Pilihan Menu Tetapan DVD (bersambung)

Muka Surat Tetapan Audio (pilihan bergaris bawah adalah tetapan sedia ada kilang)

Analog Output

Ciri ini membolehkan anda untuk menetapkan output analog bagi memadankan keupayaan main semula sistem DVD anda.

- { **Stereo** } – Memilih ini untuk menukar output saluran ke stereo yang menghantar bunyi dari speaker hadapan dan subwoofer sahaja.
- { **Multi-channel** } – Pilih ini untuk membolehkan output bunyi sekeliling dari semua speaker (kecuali REAR CENTER) dan subwoofer.
- { **6.1 Multi-channel** } – Pilih ini untuk membolehkan output bunyi sekeliling dari semua speaker dan subwoofer.

HDMI Audio

Untuk sambungan HDMI, anda boleh membuat pilihan output audio HDMI. Pilihan yang ada akan dipaparkan sebaik saja anda telah menyambungkan peranti HDMI (lihat muka 119).

Ia mungkin akan mengambil sedikit masa bagi sistem DVD dan peranti input untuk berkomunikasi dan menyesuaikan diri.

- { **Off** } – Pilih ini untuk mematikan output audio HDMI.
- { **All** } – Pilih ini jika anda telah menyambungkan sistem DVD ke pentafsir kod/penerima berbilang saluran.
- { **PCM Only** } – Pilih ini hanya jika TV HDMI anda atau penerima tidak berupaya mentafsir kod audio berbilang saluran.

Speaker Setup (Tetapan Speaker)

Ciri ini membolehkan anda untuk mengoptimumkan bunyi mengikut sekeliling dan tetapan anda.

- { **Speakers Volume** } – Akses menu tetapan paras speaker. Lihat “Langkah 5: Menetapkan saluran speaker”.
- { **Speakers Delay** } – Akses menu tetapan jarak speaker. Lihat “Langkah 5: Menetapkan saluran speaker”.

CD Upsampling (‘Upsampling’ CD)

Ciri ini membolehkan anda untuk menukar CD muzik anda kepada kadar sampel yang lebih tinggi dengan menggunakan proses isyarat digital yang canggih bagi kualiti bunyi yang lebih baik. Jika anda telah mengaktifkan ciri ‘upsampling’ CD, sistem ini akan menukar kepada mod stereo secara automatik.

- { **Off** } – Mematikan ‘upsampling CD’.
- { **88.2 kHz (X2)** } – Pilih ini untuk menukar kadar sampel CD dua kali lebih tinggi daripada kadar asal.

Nota: Jika anda menekan butang **SURR.** pada alat kawalan jauh untuk memilih mod berbilang saluran, ia akan mematikan ciri ‘upsampling’ CD.

Pilihan Menu Tetapan DVD (bersambung)

Muka Surat Tetapan Audio (pilihan bergaris bawah adalah tetapan sedia ada kilang)

Night Mode (Mod Malam)

Mod ini mengoptimumkan bunyi pada volum yang rendah. Output volum yang tinggi akan dikurangkan dan output volum yang rendah akan dipertingkatkan kepada paras yang boleh didengar. Ciri ini hanya diguna pakai bagi cakera video DVD dengan mod Dolby Digital.

{ On }

– Menghidupkan mod malam.

{ Off }

– Mematikan ciri mod malam. Pilih ini untuk menikmati bunyi sekeliling dengan kadar dinamik penuh.

Lip Sync

Ciri ini membolehkan anda untuk melaraskan masa lewat audio jika main semula video lebih perlahan daripada aliran output audio, oleh itu menyebabkan 'lip-sync'.

Akses menu tetapan 'lip sync'. Gunakan kekunci $\blacktriangleleft \blacktriangleright$ untuk menetapkan masa lewat bagi output audio.

Surat Tetapan Video (pilihan bergaris bawah adalah tetapan sedia ada kilang)

TV Type (Jenis TV)

Memilih sistem warna yang sepadan dengan TV yang disambungkan. Ia akan membolehkan main semula berlainan jenis cakera (cakera PAL atau NTSC) pada sistem DVD ini. Pilihan ini tidak ada jika TV HDMI disambungkan.

{ PAL }

– Untuk TV sistem PAL.

{ NTSC }

– Untuk TV sistem NTSC.

{ Multi }

– Untuk TV yang sesuai dengan PAL dan NTSC.

TV Display (Paparan TV)

Bentuk gambar boleh dilaras untuk muat ke dalam TV anda.

{ 4:3 Pan Scan }

– Untuk gambar berketinggian penuh dengan sisinya ditrim.



{ 4:3 Letter Box }

– Bagi paparan 'skrin luas' dengan bar hitam di atas dan bawah.



{ 16:9 Wide Screen }

– Untuk TV berskrin luas (nisbah bingkai 16:9).



Pilihan Menu Tetapan DVD (bersambung)

Surat Tetapan Video (pilihan bergaris bawah adalah tetapan sedia ada kilang)

Progressive (Progresif)

Dalam mod skan progresif. Anda boleh menikmati gambar berkualiti tinggi dengan kurang kerlipan. Ia hanya berfungsi apabila anda telah menyambungkan blicu Y Pb Pr pada peti Simpang ke TV anda yang menyokong input video progresif. Jika tidak, imej tersebut mungkin tidak akan muncul atau terganggu.

{ **Off** }

– Menyahboleh mod skan progresif.

{ **On** }

– Menghidupan mod skan progresif.

Nota: Jika tiada gambar yang muncul, tunggu selama 15 saat bagi pemulihuan auto. Sebaliknya, matikan skan progresif seperti di bawah ini:

- 1) Tekan **▲ EJECT** pada sistem DVD.
- 2) Tekan **►** pada alat kawalan jauh.
- 3) Tekan **SUBTITLE** pada alat kawalan jauh.

Picture Setting (Tetapan Gambar)

Sistem DND ini memberi tiga set tetapan warna gambar yang telah diprasetap dan satu tetapan peribadi yang anda boleh definisikan sendiri.

{ **Standard** }

– Tetapan warna asal.

{ **Bright** }


– Tetapan warna bertenaga.

{ **Soft** }

– Tetapan warna hangat.

{ **Personal** }

– Pilih ini untuk menjadikan warna gambar mengikut kehendak peribadi anda dengan melaras kecerahan, kontras, 'tint' dan warna (saturasi). Gunakan kekunci **◀▶** untuk melaras kepada tetapan yang paling sesuai dengan kehendak peribadi anda dan tekan **OK** untuk mengesahkan. Bagi tetapan biasa, pilih { **0** }.



{ **Brightness** }

Tinggikan nilai ini untuk mencerahkan warna gambar atau sebaliknya.

{ **Contrast** }

Tinggikan nilai ini untuk menajamkan warna gambar atau sebaliknya.

{ **Tint** }

Tinggikan atau Kurangkan nilai ini untuk meukar fasa warna gambar.

{ **Color** }

Tinggikan nilai ini untuk mempertingkatkan warna gambar atau sebaliknya.

Pilihan Menu Tetapan DVD (bersambung)

Surat Tetapan Video (pilihan bergaris bawah adalah tetapan sedia ada kilang)

HDMI Setup (Tetapan HDMI)

ia menyediakan tetapan gambar untuk mempertingkatkan rupa dan kualiti gambar untuk main semula cakera.

- { **Wide Screen Format** } – Pilih paparan skrin yang sesuai. Ciri ini hanya ada jika anda telah memilih { **TV Display – 16:9 Wide Screen** }.
- { **Superwide** }
Pilih ini untuk memaparkan cakera gambar 4:3 pada skrin lebar TV dengan terikan tidak linear (posisi tengah skrin diterik kurang daripada sisi).
- { **4:3 Pillar Box** }
Pilih ini untuk memaparkan cakera gambar 4:3 pada skrin lebar TV tanpa terikan. Bar hitam akan ditunjukkan pada kedua-dua bahagian skrin TV.
- { **Off** }
Tiada pelarasan nisbah aspek dibuat apabila pilihan ini dibuat.
- Nota:** Ciri { Wide Screen Format } akan dinyahboleh jika TV HDMI anda telah dipratetap kepada tetapan { 480p } atau { 576p }
- { **HDMI Video** } – Pilih ini untuk mempertingkatkan lagi output video HDMI.
 - { **480p** }
Output progresif dalam 480 garisan untuk TV NTSC. Memilih ini akan menyahboleh ciri { **Wide Screen Format** }.
 - { **576p** }
Output progresif dalam 576 garisan untuk TV PAL. Memilih ini akan menyahboleh ciri { **Wide Screen Format** }.
 - { **720p** } - (jika TV HDMI disambungkan)
Output progresif dinaikkan skala ke 720 garisan.
 - { **1080i** } - (jika TV HDMI disambungkan)
Output jalinan di naikkan skala ke 1080 garisan.
 - { **Auto** }
Output video akan mengikuti resolusi paparan yang disokong secara automatik.

Pilihan Menu Tetapan DVD (bersambung)

Muka Surat Tetapan Kegemaran

Audio

Memilih bahasa audio yang digemari untuk main semula DVD.

Subtitle

(Sari Kata)

Memilih bahasa sarik kata yang digemari untuk main semula DVD.

Disc Menu

(Menu Cakera)

Memilih bahasa menu cakera yang digemari untuk main semula DVD.

Nota: Jika tiada bahasa menu audio/sari kata/cakera pada DVD, bahasa cakera sedia ada akan digunakan.

Parental

(Kawalan Ibu Bapa)

Ini bagi mencegah tontonan cakera yang telah melebihi batasan yang ditetapkan oleh anda. Ia hanya bertindak pada DVD dengan paras kawalan ibu bapa yang diberikan kepada seluruh cakera atau kepada babak tertentu di skrin.

1 Kid Safe

2 G

3 PG

4 PG 13

5 PGR

6 R

7 NC 17

8 Adult

1) Gunakan kekunci **▲▼** untuk memilih paras penilaian daripada 1 hingga 8 dan tekan **OK**.

Penilaian bergantung kepada negara ('1' dianggap bahan yang paling kurang menyakitkan hati dan '8' dianggap paling menyakitkan hati). Untuk menyahboleh kawalan ibu bapa dan membolehkan semua cakera dimainkan, pilih '8'.

2) Gunakan **papan kekunci berangka 0-9** pada alat kawalan jauh untuk memasukkan kata laluan enam angka.

DVD yang dinilai lebih tinggi daripada paras yang dipilih oleh anda tidak akan dimainkan kecuali anda memasukkan kata laluan enam angka yang sama.

Nota: Sesetengah DVD tidak dikodkan dengan nilai walaupun nilai filem tersebut mungkin dicetak pada kulit Cakera. Ciri paras nilai tidak melarang main semula Cakera sepertinya. VCD, SVCD dan CD tidak mempunyai petunjuk paras, oleh itu kawalan ibu bapa tidak mempunyai kesan ke atas cakera jenis ini.

PBC

Ciri Kawalan Main Semula diguna pakai untuk VCD/SVCD sahaja. Ia membenarkan anda untuk memainkan CD Video (2.0) secara interaktif, mengikuti menu di paparan.

{ **Off** }

– VCD/SVCD akan melangkau menu indeks dan memain semula secara langsung dari mula.

{ **On** }

– Menu indeks (jika ada) akan muncul di TV apabila anda memasukkan VCD/SVCD.

MP3/JPEG Nav

(Nav MP3/JPEG)

Navigator MP3/JPEG hanya boleh ditetapkan jika cakera dirakam dengan menu. Ia membolehkan anda untuk memilih berlainan menu paparan bagi navigasi mudah.

{ **Without Menu** }

– Memaparkan semya fail yang terkandung di dalam cakera MP3/Gambar.

{ **With Menu** }


– Memaparkan menu folder cakera MP3/Gambar.

Pilihan Menu Tetapan DVD (bersambung)

Muka Surat Tetapan Kegemaran (pilihan bergaris bawah adalah tetapan sedia ada kilang)

Password (Kata Laluan)

Kata laluan yang sama digunakan bagi Kawalan Ibu Bapa dan Kunci Cakera. Masukkan kata laluan enam angka anda untuk memainkan cakera dikunci atau apabila digesa untuk kata laluan. Kata laluan sedia ada ialah '136900'. Untuk menukar kata laluan:



- 1) Tekan **OK** untuk mengakses menu tukar kata laluan.
- 2) Gunakan **papan kekunci berangka 0-9** pada alat kawalan jauh untuk memasuki kata lalaun enam angka anda yang sedia ada di { Old Password }.
- Apabila melakukan ini buat kali pertama atau jika anda terlupa kata laluan sedia ada, masukkan '136900'.
- 3) Masukkan kata laluan enam angka yang baru di { New Password }.
- 4) Masukkan kata laluan enam angka yang baru sekali lagi di { Confirm PWD }.
- 5) Tekan **OK** untuk mengesahkan dan keluar daripada menu.

DivX Subtitle (Sari Kata DivX)

Pilih jenis fon yang menyokong sari kata DivX® yang dirakam.

- { **Standard** } – Memaparkan senarai standard fon sari kata Roman yang diberikan oleh sistem DVD ini.
- { **Others** } – Memaparkan fon sari kata lain.

Default (Sedia ada)

Ciri ini membolehkan anda untuk menetap semula semua pilihan menu tetapan dan tetapan peribadi anda kepada yang disediakan oleh kilang, kecuali kata laluan anda bagi Kawalan Ibu Bapa dan Kunci Cakera. Tekan **OK** untuk mengesahkan penetapan semula kata laluan sedia ada.

Operasi Penala

Menala kepada stesen radio

- ① Tekan butang **SOURCE** sehingga "TUNER FM" muncul di panel paparan.
- ② Tekan **▲ / ▼** dengan ringkas pada alat kawalan jauh.
→ Panel paparan akan menunjukkan "SEARCH" sehingga stesen radio dengan kekuatan isyarat yang mencukupi ditemui.
- ③ Ulangi langkah ② jika perlu sehingga anda menemui stesen radio yang dikehendaki.
- ④ Untuk menala dengan halus penerimaan stesen radio yang lemah, tekan **◀◀ / ▶▶** dengan pantas dan berulang kali sehingga penerimaan yang paling optimum ditemui.
- Jika penerimaan stesen FM adalah lemah, tekan **AUDIO** untuk menukar mod FM daripada stereo kepada mono.

Pratetap stesen radio

Anda boleh menyimpan sehingga 40 FM stesen radio pra tetap di dalam memori. Terdapat 3 cara yang berbeza untuk memprogram stesen radio.


- Gunakan pemasangan auto (untuk tetapan kali pertama sahaja)
- Gunakan pra tetap automatik
- Gunakan pra tetap manual

Panduan Berguna:

- Sistem ini akan keluar dari mod pra tetap jika tiada butang yang ditekan dalam masa 20 saat.
- Jika tiada frekuensi yang sah dikesan semasa pemasangan penala, "PLEASE CHECK FM ANTENNA" muncul.

Menggunakan pemasangan auto

Ciri ini hanya diguna pakai bagi memprogram stesen radio buat kali pertama. Anda akan digesa untuk memasang stesen radio apabila anda mengakses mod penala. Dengan satu sentuhan butang, semua stesen radio yang ada akan disimpan secara automatik.




- ① Tekan **SOURCE** di panel sistem untuk memilih mod TUNER.
→ "AUTO INSTALL PRESS PLAY" muncul.
- ② Tekan dan pegang **▶⏸ (PLAY PAUSE)** di panel sistem sehingga "INSTALL TUNER" muncul di panel paparan.
→ Semua stesen radio dengan isyarat kuat yang ada akan disimpan secara automatik.
→ Sebaik saja selesai, stesen radio yang terakhir ditala akan dimain semula.

Operasi Penala (bersambung)

Menggunakan pra tetap automatik

Gunakan pra tetap automatik untuk menyimpan atau memasang semula semua stesen radio pra tetap.



- ① Tekan **SOURCE** berulang kali sehingga “TUNER FM” muncul di panel paparan.
- ② Tekan **◀▶** atau gunakan **papan kekunci berangka (0-9)** untuk memilih nombor pra tetap untuk mula.
- ③ Tekan dan pegang **PROGRAM** sehingga “AUTO” muncul.
→ Jika stesen radio disimpan dalam salah satu daripada pratetap yang awal, stesen radio yang sama tidak akan disimpan di bawah nombor pratetap yang lain.
→ Jika tiada nombor pratetap yang dipilih, pratetap automatik akan bermula daripada pratetap (1) dan semua pratetap anda sebelum ini akan diganti.

Menggunakan pra tetap manual

Gunakan pra tetap manual untuk menyimpan stesen radio kegemaran.

- ① Menala kepada stesen radio yang dikehendaki (lihat ‘Menala kepada stesen radio’).
- ② Tekan **PROGRAM**.
- ③ Gunakan kekunci **◀▶** untuk memilih nombor pra tetap yang ingin disimpan bagi stesen radio semasa.
- ④ Tekan **PROGRAM** sekali lagi untuk menyimpan.

Memilih stesen radio pra tetap

- Gunakan kekunci **◀▶** untuk memilih nombor pra tetap (atau gunakan papan kekunci berangka pada alat kawalan jauh).
→ Nombor pratetap diikuti dengan frekuensi radio akan muncul.

Memadam stesen radio pra tetap

- ① Dalam mod penala, gunakan kekunci **◀▶** untuk memilih stesen radio prat tetap.
- ② Tekan dan pegang **■** sehingga “PRESET DELETED” muncul.
→ Stesen radio terus bermain tetapi telah dipadam daripada senarai pra tetap.

Operasi Penala (bersambung)

Menukar grid penalaan

(tidak ada untuk semua versi)

Di sesetengah negara, langkah frekuensi antara saluran bersebelahan dalam jalur MW/FM ialah 9 kHz/ 50 kHz (10 kHz/ 100 kHz di sesetengah kawasan).

PENTING!

Menukar grid penalaan akan memadam semua stesen radio pra tetap yang disimpan sebelum ini.

- ① Tekan **SOURCE** untuk memilih "FM" atau "MW".
- ② Tekan **STANDBY ON** untuk menukar sistem DVD kepada mod sedia.
- ③ Tekan **STANDBY ON** dan bekunci  bersama di panel hadapan untuk memberi kuasa kepada sistem DVD.
➔ Paparan akan menunjukkan "GRID 9" atau "GRID 10".

Bahasa Melayu

Kawalan Bunyi dan Volum

Memilih bunyi sekeliling

- Tekan **SURR**. Untuk memilih: MULTI-CHANNEL (berbilang saluran) atau STEREO.
 - ➔ Adanya pelbagai mod bunyi sekeliling bergantung kepada bunyi yang ada pada cakera.
 - ➔ Mod output yang ada bagi Berbilang Saluran termasuk: Dolby Digital, Dolby Digital EX, DTS (Sistem Teater Digital) Surround dan Dolby Pro Logic II.
 - ➔ Penyiaran atau rakaman stereo akan menghasilkan sedikit kesan saluran sekeliling apabila dimainkan dalam mod sekeliling. Walau bagaimanapun, sumber mono (bunyi salur tunggal) tidak akan menghasilkan sebarang bunyi dari speaker belakang.

Panduan Berguna:

- Anda tidak boleh memilih mod bunyi sekeliling jika menu tetapan sistem dihidupkan.

Melaras paras Bass/Treble

Ciri BASS (nada rendah) dan TREBLE (nada tinggi) membolehkan anda untuk mendefinisikan tetapan pemproses bunyi.

- ① Tekan **BASS** atau **TREBLE** pada alat kawalan jauh.
- ② Dalam masa lima saat, gunakan **VOL +** – untuk melaras paras Bass atau Treble (MIN, – 2, – 1, 0, + 1, + 2 atau MAX).
 - ➔ Jika kawalan volum tidak digunakan dalam masa lima saat, ia akan menyambung semula fungsi kawalan volum biasanya.

Memilih kesan bunyi digital

Memilih kesan bunyi digital pra tetap yang sepadan dengan kandungan cakera anda atau yang menoptimumkan bunyi gaya muzikal yang sedang dimainkan.

- Tekan **SOUND** untuk memilih kesan bunyi yang ada.

Apabila memainkan cakera filem atau dalam mod TV, anda boleh memilih:
CONCERT, DRAMA, ACTION atau **SCI-FI**.

Apabila memainkan cakera muzik atau semasa berada dalam mod **TUNER** atau **AUX/DI**, anda boleh pilih:
ROCK, DIGITAL, CLASSIC atau **JAZZ**.

Panduan Berguna:

- Untuk output bunyi yang rata, pilih **CONCERT** atau **CLASSIC**.

Kawalan volum

- Tekan **VOL + / –** pada alat kawalan jauh untuk meningkatkan atau mengurangkan paras volum.
 - ➔ “VOL MIN” adalah paras volum minimum dan “VOL MAX” adalah paras volum yang maksimum.
- Untuk mematikan volum buat sementara
 - Tekan **MUTE** pada alat kawalan jauh.
 - ➔ Main semula akan diteruskan tanpa bunyi dan “MUTE” muncul.
 - ➔ Untuk mengadakan semula volum, tekan **MUTE** sekali lagi atau meningkatkan paras volum.

Menetapkan pemasa Tidur

Pemasa tidur membolehkan sistem untuk bertukar kepada mod sedia secara automatik pada masa yang telah diprasetap.

- ① Tekan dan pegang **DIM** pada alat kawalan jauh sehingga "SLEEP XX" muncul di panel paparan (XX = 15, 30, 45, 60 atau OFF).
- ② Untuk memilih nilai pemasa tidur yang berikutnya, tekan butang **DIM** sekali lagi dalam mod pemasa tidur sehingga ia mencapai masa tutup pratetap yang diingini.
→ 'SLEEP' akan ditunjukkan di panel paparan, kecuali jika "OFF" dipilih.
→ Sebelum sistem bertukar kepada mod sedia, kiraan menurun 10 saat akan dipaparkan.
"SLEEP10" → "SLEEP 9".... →
"SLEEP1" → "SLEEP"

Untuk membatalkan pemasa tidur


- Tekan dan pegang **DIM** sehingga "OFF" muncul atau tekan butang **STANDBY** ⏻.

Mengaburkan skrin paparan sistem

- Dalam mod aktif, tekan **DIM** pada alat kawalan jauh untuk memilih kecerahan yang diingini:

DIM 1 : 70% kecerahan
DIM 2 : 50% kecerahan
DIM 3 : 25% kecerahan
DIM OFF : kecerahan biasa

Mengawal TV 'Philips' dengan alat kawalan jauh



Bahasa Melayu

- ① Tekan **SOURCE** berulang kali sehingga "TV" muncul di panel paparan.
- ② Gunakan kekunci **◀▶** atau papan kekunci berangka (0-9) untuk memilih saluran TV.
- ③ Tekan **TV VOL +/−** untuk melaras paras volum TV.
- ④ Tekan dan pegang **STANDBY** ⏻ untuk mematikan TV anda.

Spesifikasi

BAHAGIAN AMPLIFIER

Kuasa Output	800 W
Kiri/Kanan hadapan	125 W / saluran
Tengah Hadapan	125 W / saluran
Kiri/Kanan Belakang	85 W / saluran
Tengah Belakang	105 W / saluran
Subwoofer:	150 W / saluran
Respons Frekuensi:	20 Hz – 6 kHz / -3 dB
Nisbah Isyarat kepada Bunyi:	> 65 dB (CCIR)
Sensitiviti Input	
- AUX In:	1000 mV
- TV In:	500 mV

SUBWOOFER AV

Kadar Bekalan Kuasa:	110 - 127V/ 220 - 240V ; 50 - 60Hz (boleh ditukar)
Penggunaan Kuasa	150 W
Penggunaan Kuasa Sedia	< 0.5W
Sistem:	Bass Reflex System
Impedance	4 Ω
Pemacu spekaer:	165 mm (6.5") woofer
Respons frekuensi:	30 Hz – 120 Hz
Dimensi:	300 x 399 x 300 mm
Berat:	12 kg

BAHAGIAN PENALA

Kadar Talaan:	FM 87.5–108 MHz (50 kHz)
Sensitiviti Senyap 26 dB:	FM 20 dB
Nisbah Penolakan Imej:	FM 25 dB
Nisbah Penolakan IF:	FM 60 dB
Nisbah Isyarat kepada Bunyi:	FM 60 dB
Nisbah Penahanan AM:	FM 30 dB
Gangguan Harmonik:	FM Stereo 3%
Respons Frekuensi:	FM 180 Hz–10 kHz/ ±6 dB
Pengasingan Stereo:	FM 26 dB (1 kHz)
'Threshold' Stereo:	FM 23.5 dB

SPEAKER KIRI/KANAN

Sistem:	Sistem peti tertutup, 2-hala
Impedance	6 Ω
Pemacu spekaer:	2 x (3"x3") flat cone woofer + 1 x (1"x 4") ribbon tweeter
Respons frekuensi:	120 Hz + 20 kHz
Dimensi:	106 x 1300 x 32 mm (ketinggian termasuk kaki)
Berat:	4.75 kg/ setiap satu (termasuk kaki)

BAHAGIAN CAKERA

Jenis Laser:	Semi Konduktor
Diameter Cakera:	12 cm / 8 cm
Mentafsir Kod Video:	MPEG-1 / MPEG-2/ MPEG-4 / DivX 3.11 /4.x /5.x /6.x / XviD
DAC Video:	12 Bits / 108 MHz
Sistem Isyarat:	PAL / NTSC
Format Video:	4:3 / 16:9
S/N Video:	56 dB (minimum)
Output Video Komposit:	1.0 Vp-p, 75 Ω
DAC Audio:	24 Bits / 96 kHz
Respons Frekuensi:	4 Hz–20 kHz (44.1 kHz) 4 Hz–22 kHz (48 kHz) 4 Hz–44 kHz (96 kHz)
PCM	IEC 60958
Dolby Digital	IEC 60958, IEC 61937
DTS	IEC 60958, IEC 61937
Penukar D/A SACD	PCM
Frekuensi potongan SACD	50 kHz

SPEAKER TENGAH HADAPAN/BELAKANG

Sistem:	Sistem peti tertutup, 2-hala
Impedance	6 Ω
Pemacu spekaer:	2 x (3"x3") flat cone woofer + 1 x (1"x 4") ribbon tweeter
Respons frekuensi:	120 Hz + 20 Hz
Dimensi:	497 x 139 x 32 mm (ketinggian termasuk kaki)
Berat:	1.5 kg/ setiap satu (termasuk dasar)

PETI PENERIMA TANPA WAYAR AV

Kadar Bekalan Kuasa:	110 - 240V; 50 - 60 Hz
Penggunaan Kuasa	60 W
Penggunaan Kuasa Sedia	< 0.5W
Dimensi:	242.5 x 157 x 117.5 mm (w x h x d)
Berat:	1.56 kg

PETI SIMPANG

Dimensi:	182 x 35 x 62 mm
Berat:	0.27 kg

Spesifikasi tertakluk kepada perubaha tanpa notis.

UNIT TENGAH

Kadar Bekalan Kuasa:	110 - 240V; 50 - 60Hz
Penggunaan Kuasa	15 W
Penggunaan Kuasa Sedia	< 0.5W
Dimensi:	273 x 284 x 144 mm (w x h x d)
Berat:	2.8 kg

Menyelesaikan Masalah

AMARAN

Dalam apa jua keadaan anda tidak harus cuba memperbaiki sendiri sistem ini, kerana ini akan membatalkan jaminan. Jangan buka sistem ini kerana terdapat risiko untuk mendapat kejutan elektrik.

Jika kerosakan berlaku, periksa dahulu perkara-perkara yang disenaraikan di bawah ini sebelum membawa sistem ini untuk diperbaiki. Jika anda tidak boleh menyelesaikan masalah dengan mengikuti arahan-arahan ini, rujuk kepada penjual anda atau Philips untuk bantuan.

Masalah	Penyelesaian
Tiada kuasa.	<ul style="list-style-type: none">– Periksa sama ada kod kuasa AC sudah disambung dengan betul.– Tekan  (STANDBY ON) di hadapan sistem DVD untuk menghidupkan kuasa.
Tiada Gambar.	<ul style="list-style-type: none">– Rujuk kepada buku panduan TV anda untuk memperbetulkan pilihan saluran Video In. Tukar saluran TV sehingga anda melihat skrin DVD.– Tekan butang SOURCE untuk memilih mod cakera.– Jika ciri skan progresif diaktifkan, tetapi TV yang disambungkan tidak menyokong isyarat progresif atau kabel tidak disambungkan dengan sempurna, lihat muka 125~126 bagi tetapan skan progresif yang sempurna atau nyahaktif ciri skan progresif seperti di bawah ini:<ol style="list-style-type: none">1) Matikan mod skan progresif TV anda atau hidupkan mod jalinan.2) Tekan  EJECT di sistem DVD3) Tekan  pada alat kawalan jauh.4) Tekan SUBTITLE pada alat kawalan jauh.
Gambar yang terganggu sepenuhnya atau gambar hitam/putih.	<ul style="list-style-type: none">– Jika ini berlaku apabila anda sedang menukar tetapan 'TV TYPE', tunggu selama 15 saat bagi pemulihan auto.– Periksa sambungan video.– Kadang-kala jumlah kecil gangguan gambar mungkin muncul. Ini bukan satu kerosakan.– Bersihkan cakera.
Nisbah aspek skrin tidak boleh ditukar walaupun jika anda telah menetapkan paparan TV.	<ul style="list-style-type: none">– Nisbah aspek ditetapkan pada cakera DVD.– Bergantung kepada TV, ia mungkin tidak boleh menukar nisbah aspek.
Tiada bunyi atau bunyi terganggu.	<ul style="list-style-type: none">– Melaras volum.– Periksa sambungan dan tetapan speaker.– Pastikan kabel audio disambungkan dan tekan butang SOURCE untuk memilih sumber input yang betul (misalnya, TV atau AUX/DI) untuk memilih peranti yang ingin didengar melalui sistem DVD.
Tidak boleh mengaktifkan beberapa ciri seperti Sudut, Sari Kata, atau Audio berbilang bahasa.	<ul style="list-style-type: none">– Ciri-ciri tersebut mungkin tiada pada DVD.– Menukar bahasa bagi bunyi atau sari kata dilarang pada DVD ini.

Menyelesaikan Masalah (bersambung)

Masalah	Penyelesaian
Tidak boleh memilih beberapa perkara dalam menu tetapan/sistem.	<ul style="list-style-type: none">– Tekan butang ■ STOP sebanyak dua kali sebelum memilih menu tetapan sistem.– Bergantung kepada adanya cakera, beberapa perkara menu tidak boleh dipilih.
Sistem DVD tidak mula main semula.	<ul style="list-style-type: none">– Masukkan cakera boleh baca dengan bahagian main semula menghadap ke bawah. DVD+R/CD-R mesti dimuktamadkan.– Periksa jenis cakera, sistem warna (PAL atau NTSC) dan kod rantau.– Periksa bagi sebarang kesan calar atau kotor pada cakera.– Tekan SYSTEM MENU untuk mematikan skrin menu tetapan sistem.– Anda mungkin perlu memasukkan kata lalun bagi menukar paras kadar kawalan ibu bapa atau bagi membuka kunci cakera untuk main semula.– Kelembapan mungkin telah mengkondedasi bahagian dalam sistem. Keluarkan cakera dan biarkan sistem dihidupkan selama lebih kurang sejam.
Tiada kesan bunyi sekeliling dari speaker.	<ul style="list-style-type: none">– Tekan butang SURR. untuk memilih tetapan bunyi sekeliling yang betul.– Pastikan sumber yang dimainkan oleh anda dirakam atau disiar dalam bunyi sekeliling (DTS, Dolby Digital, etc.).
Penerimaan radio kurang baik.	<ul style="list-style-type: none">– Jika isyarat terlalu lemah, laraskan antena atau sambungkan antena luar untuk penerimaan yang lebih baik.– Tambahkan jarak antara sistem dengan TV atau VCR anda.– Tala kepada frekuensi yang betul.– Letakkan antena jauh daripada sebarang peralatan yang mungkin menyebabkan gangguan.
Alat kawalan jauh tidak berfungsi dengan sempurna.	<ul style="list-style-type: none">– Pilih sumber yang ingin dimainkan (misalnya, SOURCE) sebelum menekan butang fungsi (▶, ▶◀/▶▶).– Kurangkan jarak antara alat kawalan jauh dan sistem DVD.– Tukarkan bateri dengan yang baru.– Halakan alat kawalan jauh ke atas sensor IR.– Periksa bateri diisi dengan betul.
Tidak boleh untuk mainkan filem DivX®.	<ul style="list-style-type: none">– Periksa bahawa fail DivX® ditafsirkan kodnya dalam mod ‘Teater Rumah’ dengan pentafsir kod DivX 5.x/6.x yang disahkan.
Sistem DVD tidak berfungsi.	<ul style="list-style-type: none">– Cabutkan kord kuasa daripada salur keluar kuasa untuk beberapa minit. Sambung semula kord kuasa dan cubanya semula seperti biasa.
Cakera di dalam lubang cakera tidak boleh dikeluarkan.	<ul style="list-style-type: none">– Tekan dan pegang butang ■ STOP pada alat kawalan jauh, diikuti dengan menekan butang nombor “2”, “5” dan “9”

Menyelesaikan Masalah (bersambung)

Masalah	Penyelesaian
Tiada output audio HDMI.	<ul style="list-style-type: none">– Anda tidak akan mendengar sebarang bunyi dari output HDMI jika peranti sumber hanya sesuai dengan DVI/HDCP (High-bandwidth Digital Content Protection).– Adalah tidak mungkin untuk output SACD atau punca DVD-AUDIO yang disalin kawal dari sambungan HDMI.
Tiada output video HDMI.	<ul style="list-style-type: none">– Sambungan HDMI hanya boleh dilakukan ke peranti yang dilengkapi HDMI dengan HDCP (High Bandwidth Digital Content Protection.) Jika anda ingin menyambung ke penyambung DVI (dilengkapi dengan HDCP), anda perlukan adaptor yang berasingan (DVI ke HDMI).– Pastikan resolusi sistem DVD ini sepadan dengan peranti yang telah disambungkan menggunakan HDMI. Lihat “Pilihan Menu Sistem DVD – Muka Tetapan Video”.
Terdapat gangguan pada speaker belakang HTS9800W atau rangkaian tanpa wayar sedia ada di rumah anda.	<ul style="list-style-type: none">– Anda perlu menukar ke saluran frekuensi lain untuk mengelakkan gangguan lebar jalur oleh peranti tanpa wayar yang lain.– Untuk menukar saluran frekuensi, tekan dan pegang kekunci SOUND pada alat kawalan jauh selama 5 saat.– Anda akan melihat nombor saluran (1-4) berkeliplip di panel paparan sistem DVD anda.

Glosari

Analog: Bunyi yang belum ditukar kepada nombor. Bunyi analog berbeza, sementara bunyi digital mempunyai nilai angka yang tertentu. Bicu ini menghantar audio melalui dua saluran, kiri dan kanan.

Nisbah aspek: Nisbah saiz menegak dan mendatar imej yang dipaparkan. Nisbah mendatar berbanding menegak TV konvensional ialah 4:3 dan bagi skrin luas ialah 16:9.

Bicu AUDIO OUT: Bicu merah dan putih di belakang sistem DVD yang menghantar audio ke sistem lain (TV, Stereo, dsb.).

Kadar Bit: Jumlah data yang digunakan untuk menyimpan tempoh muzik yang diberikan; diukur dalam kilobit sesaat, atau kbps. Atau, kelajuan anda merakam. Umumnya, lagi tinggi kadar bit, atau lebih tinggi kelajuan rakaman, lebih baik kualiti bunyi. Walau bagaimanapun, kadar bit lebih tinggi menggunakan lebih banyak ruang pada cakera.

Bab: Bahagian gambar atau musik di DVD yang lebih kecil daripada tajuk. Tajuk terdiri daripada beberapa bab. Setiap bab dibahagikan nombor bab membolehkan anda untuk mencari bab yang diingini.

Bicu Component Video Out: Bicu di belakang Sistem DVD yang menghantar video berkualiti tinggi ke TV yang mempunyai bicu Component Video In (R/G/B, Y/Pb/Pr, dsb.).

Menu cakera: Paparan skrin yang disediakan untuk memberikan pemilihan imej, bunyi, sarikata, berbilang sudut, dsb. Yang dirakam pada DVD.

DivX 3.11/ 4.x/ 5.x/ 6.x: Kod DivX® adalah teknologi mampatan video berasaskan MPEG-4 yang masih menantikan paten, yang dihasilkan oleh DivX® Networks Inc. yang boleh mengecutkan video digital ke saiz yang cukup kecil untuk dihantar melalui internet, sementara mengekalkan kualiti visual yang tinggi.

Dolby Digital: Sistem bunyi sekeliling yang dihasilkan oleh Dolby Laboratories mengandungi sehingga enam saluran audio digital (hadapan kiri dan kanan, sekeliling kiri dan kanan, tengah dan subwoofer).

Dolby Digital EX: Sistem bunyi sekeliling yang dihasilkan oleh Dolby Laboratories yang mengandungi sehingga tujuh saluran audio digital (kiri dan kanan hadapan, kiri dan kanan sekeliling, subwoofer tengah hadapan dan belakang)

Dolby Surround Pro Logic II: Ia merupakan teknologi pentafsir kod matriks yang lebih baik yang memberi ruang dan arah yang lebih baik pada bahan program Dolby Surround, memberi lapangan bunyi tiga dimensi yang lebih meyakinkan pada rakaman muzik stereo konvensional dan paling sesuai untuk memberi pengalaman sekeliling kepada bunyi automatik. Sementara program sekeliling konvensional sesuai sepenuhnya dengan pentafsir kod Dolby Surround Pro Logic II, trek bunyi dapat mentafsir kod secara khusus untuk menggunakan kelebihan main semula Pro Logic II, termasuk saluran sekeliling kiri dan kanan yang berasingan. (Bahan sepertinya juga sesuai dengan pentafsir kod Pro Logic konvensional).

DTS: Sistem Teater Digital. Ini merupakan sistem bunyi sekeliling, tetapi ia berbeza daripada Dolby Digital. Formatnya dihasilkan oleh syarikat yang berbeza.

HDMI: High-Definition Multimedia Interface (HDMI) ialah jalinan digital berkelajuan tinggi yang boleh menghantar video definisi tinggi dan audio berbilang saluran digital yang tidak dimampat. Ia menghantar gambar dan kualiti bunyi yang sempurna, bebas daripada bunyi bising. HDMI sesuai dari belakang sepenuhnya dengan DVI. Seperti yang diperlukan oleh piawaian HDMI, menyambung ke produk HDMI atau DVI tanpa HDCP (High-bandwidth Digital Content Protection) akan mengakibatkan tiada output Video atau Audio.

HDCP: (High-bandwidth Digital Content Protection) ialah spesifikasi yang menyediakan penghantaran kandungan digital antara peranti yang berbeza secara selamat (untuk mencegah hak cipta yang tidak dibenarkan).

JPEG: Format gambar pegun digital yang paling lazim. Sistem mampatan data gambar pegun yang dicadang oleh Kumpulan Pakar Fotografi Bersama, yang bercirikan pengurangan kecil kualiti imej walaupun dengan nisbah mampatan tingginya.

MP3: Format fail dengan sistem mampatan data bunyi. "MP3" adalah singkatan untuk 'Motion Picture Experts Group 1 (atau MPEG-1) Audio Layer 3'. Dengan menggunakan format MP3, satu CD-R atau CD-RW boleh mengandungi kira-kira 10 kali lebih banyak data daripada CD biasa.

Glosari (bersambung)

Berbilang saluran: DVD diformatkan untuk mempunyai setiap trek bunyi yang menjadikan satu lapangan bunyi. Berbilang saluran merujuk kepada struktur trek bunyi yang mempunyai tiga atau lebih saluran.

Kawalan Ibu bapa: Membataskan permianan cakera mengikut usia pengguna atau paras batasan di setiap negara. Batasan berbeza daripada satu cakera dengan yang lain; apabila ia diaktifkan, ulang tayang akan dibataskan jika paras perisian adalah lebih tinggi daripada paras yang ditetapkan pengguna.

Kawalan Ulang Tayang (PBC): Merujuk kepada isyarat yang dirakam di CD Video atau SVCD untuk mengawal ulang tayang. Dengan menggunakan skrin menu yang dirakam di CD Video atau SVCD yang menyokong PBC, anda boleh menikmati ulang tayang interaktif dan pencarian.

Skan Progresif: La memaparkan semua garisan mendatar gambar pada satu masa, sebagai bingkai isyarat. Sistem ini boleh menukar video jalinan dari DVD kepada format progresif untuk sambungan ke paparan progresif. Ia meningkatkan resolusi menegak secara dramatik.

Kod Serantau: Satu sistem yang membenarkan cakera dimainkan hanya di rantau yang ditetapkan. Unit ini hanya memainkan cakera yang mempunyai kod serantau yang sesuai. Anda boleh mendapatkan kod serantau unit anda dengan melihat label produknya. Sesetengah cakera sesuai untuk lebih daripada satu rantau (atau SEMUA rantau).

Super Audio CD (SACD): Format audio ini berdasarkan piawaian CD semasa tetapi termasuk jumlah maklumat yang lebih besar yang memberi bunyi kualiti yang lebih tinggi. Terdapat tiga jenis cakera: lapisan tunggal, lapisan berganda dan cakera hibrid. Cakera hibrid mengandungi maklumat CD audio standard dan CD Super Audio.

Surround: Sistem bagi mencipta lapangan bunyi tiga dimensi yang realistik penuh dengan realisme dengan menyusun berbilang speaker di sekeliling pendengar.

Tajuk: Bahagian terpanjang filem atau ciri musik di DVD. Setiap tajuk dibahagikan nombor tajuk, membolehkan anda untuk mencari tajuk yang diingini.

Bicu VIDEO OUT: Bicu kuning di belakang sistem DVD yang menghantar video gambar DVD ke TV.

WMA: WMA ialah singkatan untuk "Windows Media Audio" dan merujuk kepada teknologi mampatan yang dihasilkan oleh Microsoft Corporation. Data WMA boleh ditafsikan kodnya dengan menggunakan Windows Media Player versi 9 atau Windows Media Player untuk Windows XP. Fail-fail dikenali melalui lanjutan failnya iaitu "wma" atau "WMA".